

UCAPAN AMANAT TAHUN BAHARU 2019
YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KEWANGAN
BIL.1/2019

7 JANUARI 2019 (ISNIN)
DEWAN UTAMA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PUTRAJAYA

Terima Kasih Pengacara Majlis

Salam Sejahtera, Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysiaku

YB Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah
Timbalan Menteri Kewangan Malaysia

Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Yang Bhg Dato' Siti Zaayah Md Desa
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)

Yang Bhg Dato' Asri Hamidon
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)

Y.Bhg Dato' Othman bin Semail
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Pengurusan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Kewangan yang hadir pagi ini dalam majlis perhimpunan bulanan untuk kali pertama pada tahun 2019. Izinkan saya mulakan ucapan saya dengan serangkap pantun:-

Orang mengukur di lembah,

Tanam cili di tepi perigi;

Pagi ini sungguh indah,

Dapat kita berjumpa sekali lagi.

2. Saya mengambil peluang untuk menyatakan penghargaan saya kepada seluruh warga kerja Kementerian Kewangan atas komitmen, keazaman dan kerja keras berpasukan yang ditunjukkan dalam melaksanakan segala tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2018. Tanpa kerjasama erat, kejayaan yang dikecapi kita tahun lepas tidak akan dapat dicapai.

PENCAPAIAN TAHUN 2018 DAN KERJASAMA YANG ERAT

3. Terdapat beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan pada tahun lepas. Pertama sekali, kita telah berjaya meyakinkan tiga agensi penarafan kredit terbesar dunia iaitu Moody's, S&P dan Fitch Ratings untuk mengekalkan taraf kredit Kerajaan Malaysia pada A- atau A3 walaupun Kerajaan menghadapi masalah fiskal akibat salah guna kuasa. Agensi-agensi ini mengekalkan taraf kredit Kerajaan kerana mereka yakin bahawa pembaharuan institusi yang sedang dijalankan akan dapat menyelesaikan masalah fiskal yang dihadapi Malaysia dalam masa kurang daripada 3 tahun.
4. Kita juga berjaya mengubah sistem percukaian kita bagi mengurangkan beban cukai rakyat dalam masa yang singkat. Di sini, saya ingin secara khusus mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Cukai, pihak Kastam dan Bahagian Undang-Undang, serta agensi lain yang terlibat dalam merealisasikan janji Kerajaan kepada rakyat Malaysia.
5. Tidak dilupakan juga pasukan Belanjawan 2019 yang berhempas pulas sehingga pukul 5 pagi bagi membantu saya membentangnya di Parlimen.

6. Di samping itu, keyakinan pelabur kepada ekonomi Malaysia dapat diperlihatkan melalui peningkatan 250% pelaburan langsung asing yang diluluskan atau *Foreign Direct Investment* (FDI) kepada RM49 bilion pada 9 bulan pertama untuk tahun 2018 yang lepas.
7. Eksport negara pula telah meningkat kepada RM96.4 bilion pada bulan Oktober, iaitu tahap yang paling tinggi dalam sejarah Malaysia, manakala purata bulanan kadar inflasi adalah hanya 1.0% untuk 11 bulan pertama tahun lepas. Ini memberikan kita keyakinan untuk menghadapi tahun yang mendatang ini.
8. Bloomberg juga telah menobatkan Malaysia sebagai negara terbaik dalam senarai 20 ekonomi baru muncul di dunia berasaskan kepada kepercayaannya ke atas keutuhan ekonomi Malaysia.

CABARAN TAHUN 2019

9. Kita sebagai warga Kementerian Kewangan perlu bersama-sama bekerjasama keras bagi memakmurkan rakyat Malaysia dan mengharumkan nama negara. Tahun 2019 akan memberikan kita cabaran-cabaran baru dan kita perlu menyambutnya dengan sikap optimistik, kecekalan dan ketabahan demi memenuhi harapan seluruh rakyat Malaysia. Sikap proaktif, kreatif, dan inovatif harus diamalkan Kementerian Kewangan dalam melaksanakan setiap dasar dan perancangan yang strategik terutamanya dalam merealisasikan Belanjawan 2019. Pada masa yang sama, kita juga harus genggam erat rasa tanggungjawab dalam menjalankan amanah pada setiap ketika.
10. Untuk bulan ini, pelbagai dasar telah dijalankan. Antaranya ialah:
 - (i) Peruntukan khas kepada peneroka FELDA berjumlah RM77 juta
 - (ii) Bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil Getah RISDA dengan kos keseluruhan berjumlah RM82.4 juta
 - (iii) Bantuan awal persekolahan berjumlah RM328 juta

- (iv) Bantuan Sara Hidup yang akan dilaksanakan pada 28 Januari 2019 melibatkan peruntukan RM1.2 bilion
- (v) Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 atau i-Salam melibatkan dana RM2 bilion yang telah bermula pada 1 Januari 2019 dan akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri di Kementerian Kewangan pada bulan ini. Skim ini dijalankan buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, berpandukan janji Manifesto Pilihanraya Pakatan Harapan untuk memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, dan mengurangkan beban kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

11. Tidak ketinggalan juga, Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan telahpun membuat bayaran khas kepada 1.4 penjawat awam dan 800,000 pesara yang menelan perbelanjaan sebanyak RM1 bilion. Bayaran ini adalah penghargaan terhadap usaha dan komitmen penjawat awam dalam menjalankan tugas demi rakyat dan negara. Walaupun tidak diperuntukkan lebih awal dalam Belanjawan 2018, Kerajaan Persekutuan baru Pakatan Harapan masih boleh mencari wang menerusi penjimatan daripada

menjalankan pentadbiran yang bersih, dan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).

12. Pentadbiran yang bersih melalui pengamalan CAT telahpun menjimatkan Kerajaan RM1.6 billion yang kemudian dipulangkan kepada rakyat melalui dasar-dasar yang disebutkan tadi.

PEMBAHARUAN INSTITUSI

13. Seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019, beberapa langkah pembaharuan di Kementerian Kewangan telah dilaksanakan. Kerajaan telah mengamalkan 'Zero-Based Budgeting' yang merupakan salah satu langkah Kerajaan dalam memperkukuhkan pengurusan fiskal seperti yang termaktub di dalam Belanjawan 2019. Dengan pelaksanaan 'Zero Based Budgeting' ini, perbelanjaan Kerajaan dapat dioptimumkan dan hanya dibuat berdasarkan penilaian matlamat peruntukan.
14. Selain itu, Kerajaan juga telah mula mengambil langkah penghijrahan sistem perakaunan Kerajaan dari tunai kepada perakaunan akruan bermula dari tahun 2021. Penghijrahan

yang berjaya akan memberikan semua pihak yang berkepentingan dengan maklumat penuh dan holistik kewangan Kerajaan dan komitmennya. Ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam menanamkan prinsip-prinsip CAT dalam sektor awam.

15. Kerajaan juga akan melaksanakan Akta Perolehan Kerajaan pada tahun ini, Akta Tanggungjawab Fiskal pada 2021 dan penubuhan Pejabat Pengurusan Hutang yang berasingan untuk membantu Kerajaan meneruskan rancangan penyatuan fiskalnya.
16. Pihak Kerajaan juga telah melaksanakan sistem tender terbuka untuk menjana simpanan melalui proses yang lebih telus dan adil. Kerjasama yang lebih besar dalam bentuk 4P, iaitu perkongsian antara sektor awam, sektor swasta, profesional dan pihak awam juga akan membuat perbelanjaan Kerajaan lebih efisien. Sementara itu, Jawatankuasa Kewangan Awam akan memastikan penyatuan fiskal akan dilaksanakan dengan cara yang tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

17. Pihak Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan yakin bahawa semua langkah-langkah pembaharuan ini akan memperkuat kedudukan fiskal negara yang akan membolehkan Malaysia mengaum semula.

PENUTUP

18. Kita di Kementerian Kewangan ibarat sebuah keluarga besar, dan hubungan erat antara satu sama lain harus dipupuk walaupun sekadar senyuman kepada rakan sekerja kita. Semangat kerjasama yang dikongsi bersama akan memudahkan kita melaksanakan tanggungjawab dengan jujur dan ikhlas.
19. Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Kementerian Kewangan selaku pelaksana segala dasar-dasar Kerajaan bagi memastikan segala objektif dan matlamat kementerian dapat dicapai dengan jayanya.

20. Suka saya menutup ucapan ini dengan serangkap pantun:-

Hang Tuah pergi ke Aceh,

Misi membawa pelbagai urusan;

Saya ucap terima kasih,

Bela rakyat secara berterusan.

Sekian terima kasih.

Kementerian Kewangan Malaysia

7 Januari 2019